

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 24 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN

PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan penambahbaikan terhadap perkhidmatan KTM ke Pantai Timur. Apakah hasil kajian terhadap penggunaan jambatan keretapi di seluruh negara, apakah jaminan keselamatannya serta berapa tahun tempoh jangkaan keselamatannya untuk masa depan penggunaannya akan datang.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Cadangan penambahbaikan terhadap perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) ke Pantai Timur adalah dengan mempertingkatkan kualiti perjalanan tren Perkhidmatan Antarabandar di sektor Pantai Timur melalui penyediaan perkhidmatan yang lebih selesa dan selamat kepada para penumpang.
2. Antara rancangan yang ingin dilaksanakan adalah:
 - (a) Penyediaan koc-koc penumpang (tempat duduk dan tempat tidur) yang lebih selesa dan dilengkapi dengan kemudahan yang dipertingkatkan. Pihak KTMB merancang kerja-kerja menaiktaraf sebanyak 76 koc penumpang dan pembaikan 20 koc generator;
 - (b) Menyediakan tempoh masa perjalanan tren yang lebih singkat dan kompetitif berbanding mod pengangkutan awam lain.
 - (c) Semua perkhidmatan yang disediakan akan dikendalikan oleh kakitangan yang terlatih dalam aspek layanan pelanggan dan operasi tren; dan

- (d) Mempertingkatkan perkhidmatan penyediaan makanan di atas tren dengan konsep yang lebih baru dan berkualiti.

3. Sehingga kini terdapat 916 buah jambatan keretapi di seluruh rangkaian KTMB dan kesemuanya adalah masih selamat untuk digunakan untuk operasi tren. Pemeriksaan dan penyelenggaraan jambatan telah dijalankan secara berkala oleh KTMB bagi memastikan keselamatan penggunaan jambatan terjamin.

4. Berdasarkan kepada keadaan struktur jambatan sedia ada dan pemeriksaan serta penyelenggaraan jambatan yang telah dijalankan secara berkala, KTMB menjangkakan tempoh jangka hayat bagi jambatan sedia ada adalah selama 30 tahun daripada tempoh masa sekarang. Ini juga dengan mengambil kira setiap jambatan yang direkabentuk adalah dibina untuk dapat digunakan sehingga 50 tahun.

Sekian, terima kasih.